

## **ISU DALAM PENAHAAN DAN PEMULIHAN BANDUAN DI MALAYSIA<sup>1</sup>**

***(Detention and Rehabilitation of Prisoners in Malaysia according  
to the Perspective of Islamic Law and International Law)***

*Wan Roslili Abd. Majid<sup>2</sup>*

wan\_lili06@yahoo.com

Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik  
Institut Kefahaman Islam Malaysia  
2 Langgak Tungku off Jalan Duta, 50480 Kuala Lumpur.

*Najibah Mohd Zain<sup>3</sup>*

najibah@iium.edu.my

Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim,  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM),  
Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur, MALAYSIA.

### **Abstrak**

Penahanan banduan yang bertujuan membolehkan mereka menjalani proses pemulihan di penjara awam di seluruh negara menimbulkan isu tertentu. Antaranya termasuklah sama ada hak tertentu yang masih dimiliki mereka sebagaimana diperuntukkan undang-undang yang berkaitan dengan menepati prinsip syarak, khususnya maqasid al-Syari'ah. Demikian juga sama ada undang-undang tersebut menepati garis panduan yang ditetapkan oleh peraturan atau instrumen antarabangsa. Kajian ini dilaksanakan di salah sebuah penjara awam dengan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian. Kajian tersebut melibatkan 25 orang banduan wanita, lapan orang pegawai penjara, dan penguasa Penjara Wanita Kajang. Hasil kajian mendapatkan secara umumnya peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan penjara dan penyeliaan penghuninya seperti Akta Penjara dan Peraturan-Peraturan Penjara, mematuhi prinsip maqasid al-syari'ah dan piawaian antarabangsa. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu sampingan yang perlu diberikan

1 Kajian yang meliputi temu bual dan pemerhatian dilakukan pada 28 Mac hingga 1 April 2011 di Kompleks Penjara Wanita Kajang.

2 Felo, Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

3 Profesor Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

perhatian demi menjamin objektif pemulihan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Undang-undang antarabangsa dan amalan baik negara lain, yang tidak bertentangan dengan prinsip syarak dan undang-undang tempatan, perlu dijadikan penanda aras dalam melaksanakan penambahbaikan pada masa akan datang.

Kata kunci: pesalah, pemulihan, penjara, wanita, *maqasid*

### ***Abstract***

*The detention of prisoners which aims at providing them opportunities to undergo the process of rehabilitation in public prisons across the country has raised certain issues. This includes the question of whether their rights provided under the law are in conformity with the high intent of law (*maqasid al-shariah*). Likewise, the issue of whether the legislation complies with the guidelines prescribed by international regulations or instruments. Thus, a study was conducted at a public prison through interview and observation. The research involved 25 of women prisoners, eight prison officers, and a Superintendent of Kajang women's prison. The study finds that in general, the provisions of law relating to prisons and the supervision of inmates under the Prisons Act and Prison Regulations adhere to the high intent of law and international standards. Nevertheless, there are minor issues that need to be addressed in order to ensure that the objective of rehabilitation is successfully met. As such, The Malaysian Prisons Department is urged to observe the principles of Islamic law, provisions of international conventions as long as these are in tandem with Islamic principles and local laws, apart from the best practices in other countries including other Muslim countries. This is to ensure that the prisoners' welfare and specific needs, particularly those of women prisoners, are fulfilled. In other words, international law, to a certain extent, and Islamic law should be the benchmarks for possible future improvement.*

*Keywords:* *prisoners, rehabilitation, prison, women, maqasid*

## **PENGENALAN**

Seseorang pesalah atau banduan yang sedang menjalani hukuman penjara masih lagi memiliki hak tertentu yang perlu dipelihara. Hak tersebut termasuklah yang paling asas atau paling minimum dan merupakan sebahagian hak asasi yang dijamin bagi individu lain yang bebas. Oleh yang demikian, hak paling asas yang masih dimiliki mereka itu perlu dinyatakan. Hak merupakan manifestasi kemuliaan atau kehormatan manusia. Hal ini

dapat dilihat dalam instrumen antarabangsa seperti *Universal Declaration of Human Rights 1948 (UDHR)* dan *Universal Islamic Declaration of Human Rights (UIDHR) 1990*. Perkara yang sama turut dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.<sup>4</sup>

Matlamat utama penulisan ini adalah untuk menilai sama ada hak banduan sebagaimana dijamin syarak dan yang diperincikan dalam beberapa instrumen antarabangsa<sup>5</sup>, terkandung dalam undang-undang yang berkaitan dengan penjara di negara ini. Sehubungan dengan itu, perbahasan ulama berhubung dengan hak banduan yang tertentu dikemukakan dalam makalah ini. Hal ini bertujuan membolehkan penilaian dibuat sama ada peruntukan undang-undang yang ada di negara ini menjamin hak banduan, iaitu Peraturan-Peraturan Penjara 2000, selaras dengan prinsip yang digariskan oleh syarak. Selain itu, amalan terbaik di beberapa buah negara di dunia turut dijadikan rujukan penting bagi pelaksanaan langkah penambahbaikan dari semasa ke semasa.

Isu yang tidak kurang pentingnya berkaitan dengan penahanan dan pemulihan banduan ialah hukuman alternatif bagi pemenjaraan. Isu ini telah mendapat perhatian meluas pada peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, penulisan ini hanya memberikan sorotan terhadap hukuman alternatif bagi pemenjaraan, khusus bagi kesalahan jenayah syariah atau kesalahan di bawah Akta 303.

## **HAK BANDUAN DAN UNDANG-UNDANG YANG BERKAITAN DI MALAYSIA**

Negara ini tidak memiliki undang-undang yang menggariskan atau memperincikan hak banduan secara khusus. Walau bagaimanapun, Perlembagaan Persekutuan menyediakan peruntukan berkaitan dengan

4 Bahagian II, iaitu Perkara 5 hingga 13 menyediakan peruntukan khusus tentang hak asasi manusia. Antara hak asasi yang diiktiraf oleh Perlembagaan Persekutuan termasuklah hak kebebasan diri (Perkara 5), hak untuk tidak dijadikan abdi atau kerja paksa (Perkara 6), hak untuk tidak dihukum oleh undang-undang berkuat kuasa ke belakang dan perbicaraan berulang (Perkara 7), hak untuk dilayan dan mendapat perlindungan sama rata di sisi undang-undang (Perkara 8), hak untuk tidak dibuang negeri dan hak kebebasan bergerak (Perkara 9), hak kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuh serta menyertai persatuan (Perkara 10), hak kebebasan beragama (Perkara 11), hak berkenaan pelajaran (Perkara 12) dan hak terhadap harta (Perkara 13).

5 Antaranya termasuklah *United Nations Standard Minimum Rules for the Treatment of Prisoners* (SMR) yang diterima oleh Kongres Pertama Bangsa-Bangsa Bersatu yang berkaitan dengan pencegahan jenayah dan layanan terhadap pesalah, yang berlangsung di Geneva pada tahun 1955 dan diluluskan oleh Majlis Ekonomi dan Sosial melalui Resolusi 663C (XXIV) pada 31 Julai 1957 dan Resolusi 2076 (LXII) pada 13 Mei 1977. SMR ini memperincikan hak banduan dan memperuntukkan garis panduan untuk dijadikan rujukan oleh mana-mana negara berhubung dengan layanan yang perlu diberikan terhadap banduan.

hak asasi manusia yang meliputi individu yang bebas mahupun banduan.<sup>6</sup> Undang-undang lain yang secara langsung menyentuh pentadbiran penjara ialah Akta Penjara 1995 (Pindaan 2008).<sup>7</sup> Namun demikian, akta ini tidak mempunyai peruntukan khusus yang memberikan pengiktirafan terhadap hak banduan. Akta ini dihuraikan oleh Peraturan-peraturan Penjara 2000,<sup>8</sup> iaitu yang berkaitan rapat dengan hak banduan di negara ini. Peraturan ini mempunyai peruntukan yang jelas tentang hak banduan. Pada masa yang sama, peraturan ini memperuntukkan tanggungjawab negara atau pihak berkuasa terhadap banduan.<sup>9</sup> Akta dan peraturan ini secara jelas memberikan kuasa kepada Jabatan Penjara Malaysia untuk menahan seseorang sebagai penghuni penjara dan melaksanakan program pemulihan secara sah.<sup>10</sup>

## HAK BANDUAN: PERBAHASAN ULAMA

Undang-undang Islam menggariskan prinsip yang menjamin hak banduan, iaitu dengan mengambil kira bahawa salah satu objektif hukuman adalah untuk memulihkan pesalah atau banduan berkenaan.<sup>11</sup> Prinsip yang digariskan oleh Islam itu diasaskan pada konsep maslahah. Konsep umum maslahah juga merangkumi *maslahah shakhsiyah*, iaitu kebijakan atau manfaat individu yang bertujuan menjamin pemeliharaan hak asasi manusia. Meskipun matlamat khusus hak asasi manusia bertujuan memelihara kebijakan dan hak individu, namun pada masa yang sama juga disasarkan bagi menjamin kebijakan serta kepentingan masyarakat seluruhnya secara

<sup>6</sup> Shamrahayu, "Hak Asasi Banduan dan Undang-Undang di Malaysia : Analisis Permulaan" dlm. *Kanun*, hlm. 8, 2010.

<sup>7</sup> Akta Penjara 1995 (Pindaan 2008) mula berkuat kuasa pada 30 Jun 2008. Akta yang juga dikenali sebagai Akta A1332 ini bertujuan menyatukan dan meminda undang-undang berhubung dengan penjara, banduan, parol dan perkara-perkara yang berkaitan.

<sup>8</sup> Peraturan Penjara 2000 merupakan pindaan bagi Peraturan Penjara 1953 dan mula berkuat kuasa pada tahun 1 September 2000. Peraturan Penjara menjelaskan prinsip am pentadbiran penjara dan pemakaian peraturan.

<sup>9</sup> Shamrahayu, 2010, hlm. 9.

<sup>10</sup> <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/hijau/undang2>, rujukan pada 31 Mac 2014.

<sup>11</sup> Proses pendidikan dan pengislahan serta pendedahan kepada persekitaran yang baik untuk tujuan menyucikan jiwa dan membimbing seseorang ke jalan yang benar, ditunjukkan oleh Nabi SAW dalam kes Thumamah, pemimpin dan satria Bani Hanifah. Nabi SAW menempatkannya di sebuah masjid untuk membolehkan beliau menyelami kehidupan kaum Muslimin dan seterusnya dipengaruhi nilai akhlak mereka. Diriwayatkan bahawa selepas berlalunya tiga malam dan diajar oleh kaum Muslimin tentang agama Islam, beliau mandi, mengucap syahadah dan memeluk Islam. Lihat 'Umar ibn Shabbah ibn 'Ubaidah ibn Raitah al-Numayri al-Basri, 1399H., *Tarikh al-Madinah li ibn Shabbah*. Jil. 2, t.t. : t.p., hlm. 433, 435 & 438. Hasan Abu Ghuddah, hlm. 382.

umumnya.<sup>12</sup> Sebagaimana ditegaskan oleh Sayyid Sabiq dalam kitabnya, *Fiqh al-Sunnah* bahawa perzinaan mendatangkan kemudarat terhadap kesejahteraan kehidupan berkeluarga dan menyumbang kepada pelbagai bentuk kemudarat yang lain terhadap individu serta masyarakat. Selain itu, perzinaan juga memberikan kesan buruk terhadap maruah dan kelangsungan ummah.<sup>13</sup> Oleh itu, bagi tujuan mendidik dan menghalang individu serta seluruh anggota masyarakat daripada terlibat dengan perbuatan keji tersebut, wajar diteliti bagaimana syarak memperuntukkan hukuman bagi perbuatan yang merosakkan keturunan dan mencemarkan maruah serta nilai mulia<sup>14</sup> ini.

Pada asasnya, matlamat yang disasarkan untuk dicapai oleh undang-undang jenayah Islam dan undang-undang jenayah antarabangsa adalah sama, iaitu untuk mencegah jenayah, menegakkan keadilan, memelihara keamanan dan keselamatan, serta melindungi hak asasi dan kebebasan manusia. Walau bagaimanapun, undang-undang jenayah Islam menyusun matlamat yang lebih jelas berdasarkan asas yang lebih kukuh, iaitu bagi membentuk masyarakat yang aman lagi sejahtera dengan terpeliharanya lima perkara, iaitu agama, nyawa, akal, harta, dan keturunan. Penetapan hukuman terhadap penjenayah, termasuklah penahanan dan pemenjaraan merupakan salah satu cara untuk mencegah perlakuan jenayah<sup>15</sup> dan memberikan balasan terhadap perbuatan penjenayah terbabit yang memudaratkan masyarakat. Di samping itu, hukuman yang dijatuhi itu bertujuan mendidik, memulihkan dirinya agar tidak mengulangi kesalahan yang telah dilakukannya, dan akhirnya melaksanakan pengisahan yang berkesan agar pesalah atau penjenayah tersebut menjadi insan yang berguna.<sup>16</sup>

Hak banduan yang dibincangkan oleh ulama keempat-empat mazhab amat mendalam dan terperinci. Antara hak asas banduan yang dibahaskan ulama berkenaan termasuklah:

### **(1) Memperoleh Jaminan Kelangsungan Hidup**

Pesalah atau banduan mempunyai hak untuk ditahan dalam keadaan yang wajar, iaitu dengan diberikan segala bentuk keperluan asas termasuk

12 Mashood Baderin, 2003. *International Human Rights and Islamic Law*. New York: Oxford University Press, hlm. 43.

13 Ahmad Mohamed Ibrahim, 2000. *The Administration of Islamic Law in Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM, hlm. 627.

14 Imran Ahsan Khan Nyazee, 2003. *Islamic Jurisprudence*. Petaling Jaya: The Other Press, hlm. 207.

15 Pencegahan jenayah tersebut bukan sahaja terhadap pesalah yang terbabit tetapi juga masyarakat keseluruhannya.

16 Hasan Abu Ghuddah, 1987. *Ahkam al-Sijn wa Mu'amalat al-Sujana 'fi al-Islam*. Kuwait: Maktabah al-Manar, hlm. 382.

makanan, pakaian, rawatan perubatan, tempat tidur dan sebagainya bagi menjamin kelangsungan hidup. Kelangsungan hidup tercapai melalui pemeliharaan nyawa atau jiwa (*hifz al-nafs*) yang merupakan salah satu *maqasid daruriyyah*, iaitu matlamat untuk menjaga keperluan asas atau kepentingan hidup.<sup>17</sup>

Allah SWT berfirman yang bermaksud, “*Mereka juga memberi makan benda-benda makanan yang dihajati dan disukainya kepada orang miskin dan anak yatim serta orang tawanan.*”<sup>18</sup> Al-Tabari menjelaskan bahawa tawanan turut meliputi orang yang ditahan secara sah dari segi undang-undang. Makanan merupakan keperluan paling penting yang diperlukan oleh seseorang demi kelangsungan hidupnya dan mewakili semua bentuk keperluan asas yang lain. Oleh itu, penyediaan makanan kepada tahanan atau banduan juga merangkumi keperluan asas yang lain. Dalam menyediakan keperluan asas, terdapat peraturan tertentu yang perlu dipatuhi oleh pihak berkuasa. Antaranya termasuklah semua keperluan disediakan dengan cara yang sepatutnya. Sebagai contoh, makanan berkhasiat, air yang bersih, dan pakaian yang sesuai mengikut musim. Semuanya ini bagi memastikan pemeliharaan jiwa atau nyawa. Perincian terhadap perkara yang berkaitan dengan keperluan asas ini perlu diberikan perhatian.<sup>19</sup>

Misalnya pakaian yang menutup aurat dan makanan untuk banduan Muslim yang memenuhi syarat untuk menjalani ibadah puasa dihidangkan untuk berbuka dan bersahur sepanjang Ramadan. Asas bagi peraturan ini ialah prinsip “tidak sempurna sesuatu yang wajib melainkan melalui perkara itu maka hukum perkara itu juga adalah wajib”. Contohnya jika Allah memerintahkan hamba-Nya untuk melaksanakan sesuatu perkara dan perkara tersebut tidak dapat dilaksanakan melainkan dengan melakukan perkara yang lain, maka adalah wajib bagi mereka untuk melaksanakan perkara kedua yang akan membolehkan mereka melaksanakan perkara pertama yang diwajibkan itu.<sup>20</sup> Hal ini misalnya dapat dilihat dalam situasi seseorang diwajibkan menunaikan solat. Ibadah ini tidak dapat dilaksanakan

- 17 Menurut al-Syatibi, “kepentingan” hidup (*daruriyyat*) bermaksud sesuatu yang menjadi asas bagi penerusan kehidupan itu sendiri. Manusia tidak mampu untuk hidup dan akan binasa tanpanya. Ulama menyebut lima perkara yang memenuhi kategori ini, iaitu agama, nyawa, akal, harta, dan keturunan. Sila rujuk Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid, 2012. “*Maqasid al-Shariah: Satu Pengenalan*”, dlm *Maqasid al-Shari’ah*. Selangor: Penerbit UIAM, hlm. 25.
- 18 *Surah al-Insan* (76 :8).
- 19 Ashraf Md Hashim, 2004. *Rights of Suspect and Accused under Islamic and Malaysian Law*. Petaling Jaya: International Law Book Services, hlm. 49.
- 20 Al-Qadi Abi Ya’la, Muhammad ibn al-Husain ibn Muhammad ibn Khalaf ibn al-Farra’, 1990. *Al-‘Uddah fi Usul al-Fiqh*, Jil. 2, tt. : t.p., hlm. 419.

dengan sempurna melainkan dengan memakai pakaian yang menutup aurat, maka penyediaan pakaian yang menutup aurat adalah juga wajib.<sup>21</sup>

## **(2) Mengamalkan Agama**

Pandangan alam Islam menjelaskan bahawa manusia dicipta dengan fitrah oleh Yang Maha Pencipta, iaitu Maha Suci dan Maha Baik. Fitrah asal manusia juga baik selagi mereka tidak merosakkannya. Allah SWT berfirman yang bermaksud, “... iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia daripada semula jadinya) untuk menerimanya....”<sup>22</sup> Oleh yang demikian, setiap individu bertanggungjawab untuk mengekalkan serta memelihara fitrah sucinya sebagaimana yang dikurniai Allah SWT. Atas alasan bahawa manusia tidak terlepas daripada melakukan kesalahan dan dosa,<sup>23</sup> maka pandangan alam Islam juga berperanan membuka ruang yang luas bagi pengislahan diri insan.

Hal ini dilakukan dengan menyuntik makna dan matlamat dalam kehidupan. Manusia ditunjukkan arah yang tepat bagi setiap usaha yang dilakukan, dan mengubah individu menjadi individu yang lebih baik melalui perubahan dalam tingkah laku, gaya hidup, cita rasa, kecenderungan, dan sikap terhadap diri mereka sendiri, Pencipta, dan manusia seluruhnya, termasuk juga alam sekitar. Dalam hubungan ini, al-Quran menegaskan bahawa insan yang berjaya ialah yang sentiasa berusaha menyucikan jiwa atau dirinya melalui pelbagai bentuk ibadah dan amal salih.<sup>24</sup> Ulama menekankan keperluan pengislahan manusia dan peranan yang dimainkan oleh agama, terutama ibadah dalam pengislahan tersebut.<sup>25</sup>

Kepentingan ibadah begitu jelas ditekankan oleh agama Islam. Hal ini demikian kerana ibadah berperanan membersihkan dan mendidik jiwa serta menimbulkan kesedaran tentang pengawasan Allah terhadap setiap perbuatan yang dilakukan. Oleh itu, ibadah berperanan bertindak mengawal tingkah laku agar tidak melanggar batas yang ditetapkan syarak. Misalnya solat yang merupakan tiang agama, jika dilaksanakan dengan sempurna, mampu mencegah diri daripada melakukan kemungkaran, dan puasa membentuk

21 Ashraf Md. Hashim, 2004, hlm. 49-50.

22 Surah al-Rum (30:30).

23 Dalam sebuah hadis, Nabi SAW bersabda, (maksudnya), “Setiap anak Adam tidak terlepas daripada melakukan dosa dan sebaik-baik orang yang melakukan dosa ialah yang bertaubat kepada Allah.” (Al-Tirmizi).

24 Surah al-A'la (87:14-15).

25 Muhammad Umer Chapra, 2008. *The Islamic Vision of Development in the Light of the Maqasid al-Shari'ah*. London: The International Institute of Islamic Thought, hlm. 28.

keazaman yang teguh dan kekuatan semangat untuk menewaskan nafsu.<sup>26</sup> Pesalah atau banduan merupakan golongan yang lebih-lebih lagi memerlukan bantuan pemulihan akhlak, bimbingan untuk bertaubat, dan dorongan bagi mematuhi peraturan atau sistem yang ditetapkan dalam sebuah masyarakat. Hal ini disebabkan antara faktor yang menyumbang berlakunya perlakuan jenayah dan kesalahan ialah kealpaan, kejahilan, dan lemah pegangan agama. Oleh yang demikian, ulama menekankan kepentingan melaksanakan ibadah oleh banduan, terutamanya solat dan puasa.

### (3) Memperoleh Pendidikan

Akal membolehkan manusia memikirkan dan menentukan sendiri sama ada sesuatu perbuatan itu baik atau buruk.<sup>27</sup> Akal membantu manusia mempelajari pengajaran yang bermakna daripada pengalaman hidupnya. Akal juga membimbing manusia untuk mempertimbangkan kesan atau akibat daripada segala tindakan yang dilakukan.<sup>28</sup> Pesalah atau banduan memerlukan ilmu, antara lain untuk membetulkan cara berfikir yang salah dan menjauhkan diri mereka daripada kecuaian serta kejahilan. Hal ini berdasarkan hakikat bahawa perlakuan jenayah berkaitan rapat dengan kejahilan serta kealpaan. Ulama sepakat mengatakan bahawa hukuman penjara bertujuan mendidik dan memulihkan pesalah bagi menghalang dirinya daripada mengulangi kesalahan yang pernah dilakukan. Tidak dapat dinafikan bahawa ilmu yang berguna merupakan faktor utama yang menentukan tercapainya matlamat pemulihan dan pengislahan banduan. Berhubung dengan penggunaan pendidikan sebagai kaedah pemulihan bagi golongan murtad, ulama menekankan bahawa matlamat memenjarakan individu yang terlibat, bertujuan mendorong mereka supaya bertaubat. Hal ini dilakukan dengan mengingatkan dan memberikan lebih banyak pendedahan tentang agama Islam<sup>29</sup> kepada mereka, mengulangi ajaran dan hakikatnya sebagai agama yang suci sehingga jiwa mereka dapat disucikan lalu akhirnya mereka kembali kepada agama Islam.<sup>30</sup>

26 Hasan Abu Ghuddah, 1987, hlm. 387.

27 Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid, 2012. “Maqasid al-Shari’ah : Satu Pengenalan”, dlm *Maqasid al-Shari’ah*. Selangor: Penerbit UIAM, hlm. 15.

28 Fazalul Karim, t.t. *Imam Gazzali’s Ihya’ Ulum-ud-Din*. Book I, Lahore: Kazi Publications, hlm. 114.

29 Lajnah ‘Ulama’ bi Ri’asah Nizamuddin al-Balkhi, *Al-Fatawa al-Hindiyah*, Jil. 3, t.t. : Dar al-Fikr, hlm. 253.

30 Abu Muhammad Muwaffiquddin Abdullah ibn Ahmad ibn Muhammad ibn Qudamah al-Maqdisi, 1968. *Al-Mughni*. Jilid 9. Al-Qahirah: Maktabah al-Qahirah, hlm. 6; Mahyuddin Yahya ibn Syaraf al-Nawawi, 1991. *Rawdah al-Talibin wa ‘Umdah al-Muftin*. Jilid 10. Edisi 3. Beirut: Al-Maktab al-Islami, hlm. 76.

#### **(4) Mengekalkan Hubungan dengan Anggota Keluarga**

Peraturan umum dalam Islam menetapkan bahawa setiap Muslim bertanggungjawab untuk mengekalkan hubungan yang baik antara sesama mereka. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Jubair ibn Mut'im, beliau mengatakan bahawa Nabi SAW didengarinya bersabda, “*Orang yang memutuskan ikatan persaudaraan tidak akan masuk syurga.*”<sup>31</sup> Jelas bahawa al-Quran dan hadis menggariskan panduan yang dapat digunakan untuk meneguhkan hubungan antara sesama Muslim, khususnya antara sesama anggota keluarga. Tidak dinafikan bahawa hubungan yang jernih dan mesra merupakan nadi bagi pembentukan dan pemeliharaan institusi keluarga yang teguh yang merupakan salah satu prinsip *maqasid*.

Garis panduan yang dibentuk oleh kedua-dua sumber hukum syarak ini adalah umum sifatnya dan turut meliputi mereka yang berada dalam tahanan. Tanggungjawab memelihara hubungan antara pesalah dengan keluarganya penting lebih-lebih lagi jika melibatkan hubungan antara seorang ibu dengan anak. Nabi SAW diriwayatkan bersabda<sup>32</sup>, “*Sesiapa yang memisahkan seorang ibu dengan anaknya, Allah akan memisahkannya dengan orang yang dikasihinya pada hari kiamat.*” Meskipun hadis ini merujuk hamba dan larangan pemisahannya dengan anaknya dalam apa juga cara, dapat difahami bahawa larangan tersebut juga terpakai bagi kes yang melibatkan ibu yang merdeka.

Dalam konteks hubungan suami isteri, pesalah diberikan peluang untuk bertemu dengan pasangan masing-masing di bilik yang sesuai di dalam penjara. Ulama berbeza pandangan sama ada pesalah harus dibenarkan menikmati peluang ini. Sebahagian mereka tidak mengharuskan dan sebahagian yang lain mengharuskan atas alasan pertemuan antara suami isteri merupakan hak yang sah dan keperluan asas pesalah. Selain itu, kesihatan mental dan fizikal pesalah dijaga dengan membenarkan mereka menikmati peluang ini. Hak untuk menikmati lawatan konjugal ini telah diterima secara meluas di beberapa buah negara Islam, seperti Arab Saudi, Mesir, Yaman, dan Maghribi.<sup>33</sup>

---

31 Al-Bukhari.

32 Muhammad ibn `Abdullah ibn Muhammad ibn Hamdawahib ibn Nu`aim ibn al-Hakam al-Naisaburi, 1990. *Al-Mustadrak `ala al-Sahihain*. Jilid 2. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, hlm. 63.

33 Ahmed Othmani & Sophie Bessis, 2008. *Beyond Prison: The Fight to Reform Prison Systems around the World*. USA: Berghahn Books, hlm. 73.

## (5) Bekerja dan Memperoleh Pendapatan

Usaha mencari nafkah dan mengumpulkan harta bertujuan menyara serta mewujudkan kehidupan yang selesa untuk keluarga merupakan salah satu prinsip yang ditetapkan dalam Islam. Prinsip ini turut meliputi pesalah atau banduan bagi menyediakan bantuan atau sokongan kewangan, khususnya setelah mereka dibebaskan kelak. Walau bagaimanapun, ulama berbeza pendapat tentang kedudukan pesalah yang ditahan disebabkan hutangnya yang bekerja di dalam penjara. Pendapat pertama melarang banduan bekerja semasa ditahan dan atas bagi larangan ini bertujuan menghalang pesalah daripada berasa selesa dan membelanjakan wangnya sesuka hati.<sup>34</sup> Pendapat yang lain pula menyokong keperluan pesalah untuk bekerja di dalam penjara sebagai suatu bentuk sokongan, khususnya dalam bentuk kewangan bagi melunaskan hutang, nafkah keluarga, dan sebagainya.<sup>35</sup>

Dari satu aspek, pekerjaan yang dijalankan mempunyai peranannya dalam merealisasikan matlamat penahanan. Dengan bekerja, seseorang banduan dapat mempelajari kemahiran baharu, dan diharapkan dapat mengubah tingkah lakunya, selain menjauhkan dirinya daripada akhlak atau amalan buruk. Semuanya ini amat berguna bagi menyediakan dirinya untuk kembali menyertai masyarakat setelah dibebaskan. Tidak dinafikan, persediaan ini merupakan salah satu matlamat penting hukuman penjara kerana kebanyakan tahanan atau banduan tidak mempunyai pekerjaan selepas dibebaskan. Agama Islam menggalakkan umatnya untuk memiliki kemahiran yang tertentu yang membolehkan mereka menampung kehidupan. Tindakan Rasulullah SAW yang mengarahkan tawanan perang Badar yang tidak berkemampuan untuk membayar tebusan mengajar anak-anak kaum Ansar menulis<sup>36</sup> dapat memberikan panduan bagi institusi pemulihan hari ini untuk menyediakan latihan kemahiran tertentu, melalui kelas pendidikan dan vokasional, kepada pesalah.<sup>37</sup>

34 Ibn `Abidin, Muhammad Amin ibn `Umar ibn `Abd al-`Aziz `Abidin, 1992, *Radd al-Muhtar `ala al-Durr al-Mukhtar*. Jilid 5. Edisi 2. Beirut: Dar al-Fikr, hlm.378; Lajnah `Ulama' bi Ri`asah Nizamuddin al-Balkhi, 1310H. *Al-Fatawa al-Hindiyyah*, t.t. Jilid 3. Beirut: Dar al-Fikr, hlm. 418; *Mausu`ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyah*, 1412H. Jilid 16. Kuwait: Wizarah al-Auqaf wa al-Syu`un al-Islamiyyah, hlm. 322.

35 Al-Fatawa al-Hindiyyah, t.t., hlm. 418; Hasan Abu Ghuddah, 1987, hlm. 435.

36 Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il ibn `Umar ibn Kathir al-Qurashi al-Dimashqi, 1986. *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Jilid 3. Beirut: Dar al-Fikr, hlm. 329.

37 Hasan Abu Ghuddah, 1987, hlm. 437.

## **HAK BANDUAN DI MALAYSIA: PERATURAN PENJARA**

Peraturan-peraturan Penjara 2000 menggariskan peruntukan tertentu untuk menjamin hak banduan. Hak dan bentuk kebijakan banduan atau pesalah yang dijamin oleh undang-undang tersebut pada asasnya merupakan sokongan terhadap matlamat penahanan, iaitu bagi menjayakan program pemulihan dengan berkesan.

Hak dan bentuk kebijakan tersebut termasuklah:

### **(1) Memperoleh Jaminan Kelangsungan Kehidupan**

Jaminan terhadap hak asasi banduan atau pesalah misalnya dapat dilihat melalui keperluan untuk menyediakan makanan, pakaian, dan kelengkapan tempat tidur yang diperuntukkan oleh Peraturan 60,<sup>38</sup> 62,<sup>39</sup> dan 57(1),<sup>40</sup> dan 58 (1).<sup>41</sup> Selain makanan, pakaian, dan tempat tidur, rawatan perubatan juga disediakan bagi pesalah atau penghuni. Peraturan 230 memperuntukkan kehadiran pegawai perubatan:

Tiap-tiap penjara hendaklah, jika boleh, mempunyai seorang Pegawai Perubatan Residen yang hendaklah berada di penjara itu pada setiap hari.<sup>42</sup>

Perkhidmatan kesihatan dalam institusi pemulihan bertujuan menyediakan perkhidmatan perubatan yang diperlukan dan khidmat bantuan asas kepada penghuni, selain mengendalikan kes kecemasan yang memerlukan rawatan perubatan segera. Klinik penjara hanya mengendalikan kes ringan sementara kes kesihatan yang berat dan kronik dirujuk kepada hospital daerah. Doktor, pembantu perubatan, dan jururawat yang bertugas di klinik ini terdiri daripada kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia atau juga syarikat doktor panel perubatan yang dapat menjalankan pemeriksaan dan

38 Makanan banduan, sama ada yang disabitkan atau yang belum disabitkan hendaklah mengikut skala diet yang dinyatakan dalam Jadual Pertama atau apa-apa skala diet yang lain dari semasa ke semasa yang diluluskan oleh menteri atas syor Menteri Kesihatan.

39 Suatu salinan skala diet hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di penjara itu.

40 Tiap-tiap banduan hendaklah dibekalkan kelengkapan tempat tidur mengikut skala yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

41 Pakaian seseorang banduan hendaklah ditukar dan dibasuh setiap minggu, dan peralatan tempat tidur hendaklah dijemur dan dibasuh seberapa kerap yang diarahkan oleh Pegawai yang Menjaga.

42 Peraturan 230.

rawatan perubatan 24 jam kepada penghuni. Doktor panel ini juga tertakluk pada Kementerian Kesihatan.<sup>43</sup>

Pada hakikatnya, Jabatan Penjara telah mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan dengan melantik doktor tetap untuk memberikan rawatan yang diperlukan kepada penghuni. Walau bagaimanapun, bilangannya adalah kecil. Sehubungan itu, SUHAKAM mengusulkan supaya Jabatan Penjara memperkenalkan insentif khas untuk menarik minat lebih banyak doktor bagi menyertai skim ini.<sup>44</sup> Selain pegawai perubatan dan pembantu perubatan, terdapat juga *medical orderly* yang terdiri daripada kakitangan penjara yang bertanggungjawab membantu pegawai perubatan dan pembantu perubatan. Mereka merupakan pasukan seragam yang menjalankan tugas pengawasan semasa doktor memeriksa seseorang penghuni. Mereka diberikan latihan dan kursus di pusat latihan dan pengajarnya disediakan oleh Kementerian Kesihatan.<sup>45</sup>

Unit perubatan yang menyediakan rawatan kesihatan kepada penghuni seharusnya berkembang secara progresif sesuai dengan keperluan dan permintaan. Hal ini khususnya berkaitan dengan masalah kesihatan mental penghuni.<sup>46</sup> Terdapat aduan tertentu yang dikemukakan oleh penghuni berhubung dengan layanan dan mutu perkhidmatan yang diterima daripada doktor panel. Peluang untuk mengemukakan aduan merupakan hak penghuni, iaitu sama ada kepada hakim pelawat, Ketua Pengarah atau pegawai menjaga. Peraturan Penjara memperuntukkan bahawa hakim pelawat perlu melawat penjara sekali setiap bulan dan memeriksa wad, sel, halaman, sel hukuman

---

43 Tuan Mohd Andri bin Mohd Ridzwan, Penguasa Penjara, ditemu bual oleh penulis di Ibu Pejabat Penjara Malaysia pada 9 November 2011. Dalam urusan penjagaan kesihatan penghuni, Jabatan Penjara telah melakukan penambahan terhadap prosedur, iaitu dengan mempercepat rawatan perubatan sama ada melalui doktor panel penjara atau juga hospital, termasuklah hospital pakar. Jabatan Penjara terpaksa menerima hakikat bahawa Kementerian Kesihatan sendiri menghadapi masalah kekurangan doktor dan salah satu kesannya ialah hanya doktor muda yang baru tamat latihan dapat diantar ke penjara untuk berkhidmat. Disebabkan kekurangan pengalaman, doktor muda ini mudah tertekan, khususnya dengan persekitaran penjara.

44 Maklum balas daripada Kementerian dan Agensi Kerajaan terhadap Laporan SUHAKAM 2009, hlm. 49. [http://www.suhakam.org.my/c/document\\_library/get\\_file?p\\_1\\_id=24205&folderId=39678&name=DLFE-8502..pdf](http://www.suhakam.org.my/c/document_library/get_file?p_1_id=24205&folderId=39678&name=DLFE-8502..pdf) rujukan pada 10 Oktober 2011.

45 Sudah tiba masanya perkhidmatan rawatan psikiatri diwujudkan dengan melibatkan pakar psikiatri dari luar. Malah, klinik penjara juga seharusnya memiliki doktor psikiatrinya sendiri untuk menawarkan rawatan yang diperlukan oleh penghuni. Jika gangguan mental dan masalah psikiatri tidak ditangani dengan baik atau tidak diendahkan, dikhawatir akan menimbulkan ketidakstabilan dan ketidaktereman di dalam penjara. Selain itu, dikhawatir juga akan tercusus pergaduhan dalam kalangan penghuni dan berkemungkinan menyebabkan tindakan mencederakan diri sendiri atau membunuh diri. Tuan Mohd Andri bin Mohd Ridzwan, Penguasa Penjara, ditemu bual oleh penulis di Ibu Pejabat Penjara Malaysia, pada 9 November 2011.

46 *Ibid.*

dan bilik dan bahagian lain penjara.<sup>47</sup> Pada setiap lawatan, hakim pelawat perlu mendengar apa-apa aduan yang dikemukakan oleh mana-mana banduan dan perlu menanyakan keadaan banduan yang sedang menjalani hukuman.<sup>48</sup> Lawatan dan pemeriksaan oleh Ketua Pengarah diperuntukkan oleh Peraturan 194 (1)<sup>49</sup> dan (2).<sup>50</sup>

## **(2) Mengamalkan Agama**

Peraturan Penjara 2000 menggariskan keperluan mengamalkan agama, iaitu: Peruntukan hendaklah dibuat bagi mengamalkan agama, bagi lawatan kakitangan agama atau anggota lain persatuan agama yang berdaftar dengan sahnya dan bagi pengajaran moral dan agama kepada banduan.<sup>51</sup>

Kajian yang dijalankan Penjara Wanita Kajang menunjukkan bahawa melalui pelbagai program keagamaan yang disusun dan dijalankan di penjara, banduan wanita berpeluang mempelajari dan meningkatkan pengetahuan serta memantapkan pelaksanaan sesuatu ibadah. Banduan wanita yang ditemu bual mengakui bahawa mereka memperoleh manfaat yang besar daripada program keagamaan yang dijalankan, seperti solat berjemaah dan membaca al-Quran.<sup>52</sup>

## **(3) Memperoleh Pendidikan**

Pendidikan agama dan hal-hal yang berkaitan dengannya sebagai contoh diperuntukkan dalam Peraturan 147<sup>53</sup>, Peraturan 148<sup>54</sup>, Peraturan 149 (1)<sup>55</sup>,

---

47 Peraturan 183 (1).

48 Peraturan 185.

49 Ketua Pengarah hendaklah melawat dan memeriksa atau mengadakan lawatan dan pemeriksaan secara berkala, menyeluruh dan sistematis di setiap penjara di Malaysia.

50 Ketua Pengarah hendaklah melaporkan apa-apa perkara yang dianggapnya patut dibawa untuk perhatian Kerajaan, dan setahun sekali, hendaklah mengemukakan laporan penuh mengenai penjara di Malaysia kepada Menteri.

51 Peraturan 148.

52 Temu bual dengan banduan wanita yang mengikuti Modul Halaqah pada 1 April 2011.

53 Pegawai yang menjaga hendaklah membuat perkiraan untuk mengadakan pendidikan agama atau moral bagi banduan di bawah jagaannya oleh orang yang berikut:

(a) pegawai penjara yang berkelayakan menjadi guru agama;  
(b) berkenaan dengan banduan beragama Islam, mana-mana orang yang diberikan “tauliah” di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pentadbiran agama Islam;

54 Peruntukan hendaklah dibuat bagi mengamalkan agama, bagi lawatan kakitangan agama atau anggota lain persatuan agama yang berdaftar dengan sahnya dan bagi pengajaran moral dan agama kepada banduan.

55 Kakitangan agama daripada Jabatan Kerajaan atau anggota persatuan agama yang berdaftar dengan sahnya boleh dibenarkan masuk pada masa yang munasabah dan sesuai ke dalam penjara untuk melawat banduan yang berkehendakkan perkhidmatan mereka.

dan Peraturan 150<sup>56</sup>. Bagi banduan Muslim, pegawai kanan yang diiringi oleh dua atau tiga orang pegawai agama ditempatkan di ibu pejabat penjara untuk mengenal pasti pemantauan aktiviti keagamaan dalam institusi penjara. Selain pegawai JAKIM, terdapat juga pegawai penjara yang berpakaian seragam, yang bertindak sebagai pembantu guru agama. Pegawai pembantu ini mempunyai latar belakang pendidikan agama. Selain pegawai JAKIM dan pegawai penjara, pendidikan agama juga diberikan kepada pesalah atau banduan melalui bantuan organisasi yang berminat.<sup>57</sup> Tawaran untuk memberikan bantuan ini diiklankan dalam laman web dan pihak yang berminat akan melalui proses saringan dan kawalan keselamatan yang ketat.<sup>58</sup> Kaedah dan latihan pemulihan untuk pesalah bagi memastikan mereka menjadi rakyat yang berguna dan bertanggungjawab disusun serta dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia melalui Bahagian Pengurusan Banduan. Bahagian ini dibahagikan pula kepada Seksyen Pemulihan dan Rawatan dan Seksyen Vokasional dan Industri. Seksyen Pemulihan dan Rawatan terbahagi kepada beberapa unit utama, iaitu Unit Pembangunan Sahsiah, Unit Agama, Unit Pendidikan (Akademik), Unit Layanan, Unit Kebajikan, dan Unit Rawatan dan Kesihatan. Menyentuh khusus tentang modul pemulihan, Unit Pembangunan Sahsiah mengendalikan Program Pembangunan Insan (PPI) yang diperkenalkan pada tahun 2002. PPI dibahagikan kepada empat fasa utama, iaitu pertama, fasa orientasi (dua bulan), kedua, fasa pengukuhan sahsiah (enam bulan), ketiga, fasa kemahiran (tiada had masa), dan keempat, fasa prabebas (penghuni yang mempunyai baki hukuman tidak melebihi setahun dan memenuhi syarat-syarat yang ditentukan).<sup>59</sup>

Penghuni penjara ditempatkan dalam program pemulihan menurut kecenderungan, masalah, dan latar belakang. Sebagai contoh banduan yang memiliki pengetahuan agama yang cetek akan mengikuti Modul Halaqah<sup>60</sup>, pesalah berkaitan dengan penagihan dadah akan mengikuti Modul Terapi Komuniti (TC), penghuni yang berulang kali memasuki penjara (residivis) akan mengikuti Modul Residivis dan sebagainya. Secara umumnya, setiap penghuni akan melalui setiap fasa yang telah dinyatakan untuk membolehkan

56 Maka hendaklah boleh didapati setakat yang praktik bagi kegunaan sendiri tiap-tiap banduan buku agama dan ajaran agama dan apa-apa artikel keagamaan yang lain yang diiktiraf bagi anutannya yang diterima oleh pegawai yang menjaga bagi kegunaan dalam penjara.

57 <http://www.prison.my/portal/page/portal/.../khidmat>, rujukan pada 1 April 2014.

58 Tuan Mohd Andri, ditemu bual oleh penulis di Ibu Pejabat Penjara Malaysia pada 23 November 2011.

59 <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/hijau/pemulihan>, rujukan pada 2 April 2014.

60 Pesalah yang melakukan kesalahan jenayah syariah dan kesalahan lain di bawah Undang-undang Keluarga Islam melalui proses pemulihan berdasarkan modul ini.

mereka menjalani proses pemulihan sepanjang tempoh menjalani hukuman. Modul Halaqah merupakan pemulihan teras bagi penghuni beragama Islam yang dilaksanakan selama enam bulan. Tujuan program ini adalah untuk melahirkan penghuni beragama Islam yang dapat menghayati dan melaksanakan ajaran agama Islam sebagai cara hidup. Antara bidang ilmu yang diajarkan kepada penghuni termasuklah akidah, fiqh, tilawah al-Quran<sup>61</sup>, hadis, sirah, dan akhlak.

Salah satu perkara penting berkaitan dengan pengukuhan akal melalui aktiviti keilmuan ialah peluang yang diberikan kepada banduan untuk menikmati bahan bacaan di perpustakaan penjara.<sup>62</sup> Difahamkan bahan bacaan terbitan terkini amat kecil jumlahnya. Jabatan Penjara sentiasa mengalu-alukan sumbangan bahan bacaan daripada penerbit buku tempatan<sup>63</sup>. Jabatan Penjara disyorkan agar memastikan pemilihan judul buku yang dimuatkan dalam perpustakaan penjara dilakukan dengan teliti.<sup>64</sup>

Selain kelas agama, Peraturan Penjara<sup>65</sup> juga memperuntukkan peluang pendidikan<sup>66</sup> kepada banduan. Peraturan Penjara<sup>67</sup> turut memberikan perhatian khusus terhadap banduan yang tidak boleh membaca dan menulis atau buta huruf. Selain itu, kursus kemahiran turut dianjurkan oleh Jabatan Penjara seperti menjahit dan memasak. Beberapa orang banduan berjaya memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia. Jabatan Penjara juga menjalankan kerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja untuk membantu banduan memasuki pasaran kerja dengan menambah baik latihan kemahiran sedia ada bagi meningkatkan keupayaan mereka. Hal

- 
- 61 Banduan wanita yang ditemu bual mengakui bahawa modul yang dijalani oleh mereka benar-benar bermanfaat. Pengajar yang ditugaskan mengajar mereka juga mengesahkan bahawa terdapat banduan wanita yang dapat membaca al-Quran dengan baik meskipun tidak memiliki keupayaan untuk berbuat demikian pada awal kemasukan ke penjara. Temu bual dijalankan pada 1 April 2011.
- 62 Peraturan 152 memperuntukkan pewujudan perpustakaan dan kebenaran untuk penghuni menukar bahan bacaan sekerap yang mungkin.
- 63 Setakat ini Jabatan Penjara Malaysia, khususnya Penjara Wanita Kajang memperoleh sumbangan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka, Karangkraf Sdn. Bhd., Utusan Publications & Distributors dan sebagainya.
- 64 Pemilihan judul tersebut boleh dibantu oleh ilmuwan serta cendekiawan yang memiliki kepakaran tentang pemulihan dan pembentukan motivasi diri banduan. Hal ini dapat membantu program pemulihan banduan yang disusun dan dilaksanakan oleh Jabatan Penjara dan sekali gus dapat mengelakkan perpustakaan penjara menjadi tempat longgokan buku-buku lama dan yang tidak dikehendaki.
- 65 Peraturan 151 (1).
- 66 Peraturan 151 (2). Peluang ini diberikan kepada banduan yang berhasrat meningkatkan taraf pendidikan melalui pelbagai bentuk pengajian atau kemahiran seperti kraftangan.
- 67 Peraturan 151 (2).

ini seterusnya dapat menyediakan peluang bagi banduan untuk mendapatkan pekerjaan selain memiliki perniagaan sendiri bagi menyara kehidupan.<sup>68</sup>

#### (4) Mengelakkan Hubungan dengan Keluarga

Hubungan antara banduan dengan anggota keluarga dan rakan-rakan dibenarkan tetapi tertakluk pada sekatan tertentu yang dianggap perlu bagi mengekalkan tatatertib dan ketenteraman dalam institusi pemulihian selain bertujuan mencegah jenayah.<sup>69</sup> Peraturan 87<sup>70</sup> pula menghuraikan hak banduan bagi setiap peringkat untuk menulis surat dan menerima lawatan. Bilangan pelawat dan masa lawatan diperincikan oleh Peraturan 93<sup>71</sup> dan 94.<sup>72</sup> Semasa berlangsungnya pertemuan dengan banduan, anggota keluarga dapat memainkan peranan penting untuk memberikan nasihat kepada banduan untuk memperbaik diri dan tidak mengulangi kesalahan yang telah dilakukan.<sup>73</sup> Selain menerima lawatan, banduan juga boleh dibenarkan

- 
- 68 Selain menambah baik nilai latihan kemahiran, Kementerian juga membantu Jabatan Penjara untuk memperkenalkan kemahiran baharu yang diperlukan dalam pasaran termasuklah dengan memperkenalkan portal JobsMalaysia bagi memudahkan banduan yang akan dibebaskan mencari peluang pekerjaan sebaik sahaja mereka selesai menamatkan latihan. Jabatan Penjara mensasarkan lebih 70 peratus banduan dapat berdikari dan berjaya memperoleh pekerjaan selepas dibebaskan melalui penglibatan mereka dengan latihan kemahiran sepanjang tempoh menjalani hukuman. Nor Azizah Mokhtar, “JPM bantu banduan berdikari”, *Berita Harian*, 9 Februari, 2011, hlm. 32.
- 69 Peruntukan 86.
- 70 (a) seseorang banduan dalam Peringkat Pertama dan Kedua adalah berhak menulis satu surat tiap-tiap minggu dan menerima satu lawatan selama empat puluh lima minit tiap-tiap empat minggu atau menulis dan menerima satu surat sebagai ganti; (b) seseorang banduan dalam Peringkat Ketiga, adalah berhak menulis satu surat tiap-tiap minggu dan menerima suatu lawatan selama empat puluh lima minit tiap-tiap tiga minggu atau menulis dan menerima satu surat sebagai ganti; (c) seseorang banduan dalam Peringkat Keempat, adalah berhak menulis satu surat tiap-tiap minggu dan menerima suatu lawatan selama empat puluh lima minit tiap-tiap dua minggu atau menulis dan menerima satu surat sebagai ganti; (d) seseorang banduan dalam Peringkat Khas, adalah berhak menulis satu surat tiap-tiap minggu dan menerima suatu lawatan selama empat puluh lima minit tiap-tiap minggu atau menulis dan menerima satu surat sebagai ganti.
- 71 Tidak lebih daripada lima orang dibenarkan melawat seseorang banduan pada satu masa kecuali dalam hal jika ditentukan selainnya oleh Pegawai yang Menjaga.
- 72 Semua lawatan kepada banduan hendaklah diadakan semasa waktu bekerja biasa dan antara waktu itu sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai yang Menjaga dan dalam penglihatan dan pendengaran seseorang pegawai penjara.
- 73 Institusi Penjara Malaysia – Pengkalan Chepa (t.t.) <http://www.prison.gov.my/images/carta/penjara-penjara.htm> (dirujuk pada 2 Oktober 2011).

untuk menziarahi anggota keluarga dalam keadaan yang tertentu. Perkara ini diperuntukkan dalam Peraturan 91.<sup>74</sup>

Berhubung dengan lawatan suami isteri (*conjugal visit*), Jabatan Penjara Malaysia telah mengemukakan cadangan untuk membenarkan pesalah menikmati peluang ini di rumah mini (*mini houses*). Mereka akan dibenarkan menikmati suasana seperti berada di rumah sendiri dengan kehadiran isteri atau suami, anak-anak, dan ibu bapa selama 72 jam dan turut melibatkan hubungan suami isteri dengan pasangan di dalam bilik tertentu. Model berjaya daripada negara lain akan digunakan sebagai asas pelaksanaan cadangan tersebut. Matlamat lawatan ini adalah untuk mewujudkan hubungan yang lebih erat antara pesalah dengan keluarga mereka, meningkatkan disiplin pesalah, mengurangkan tekanan di dalam penjara, mengelakkan banduan daripada kembali melakukan kesalahan yang pernah dilakukan, selain mengelakkan berlakunya perceraian antara pasangan, khususnya apabila salah seorang pasangan menjalani tempoh hukuman yang panjang.

Ringkasnya, kelebihan ini merupakan kaedah motivasi dan pemulihan bagi pesalah yang membolehkan mereka diterima dengan baik oleh masyarakat setelah dibebaskan. Lawatan konjugal ini hanya melibatkan pesalah yang menunjukkan tingkah laku yang baik, bebas daripada penyakit seksual berjangkit, dan akan menikmati parol dalam tempoh terdekat. Sebaliknya, pesalah yang dihukum mati, menjalani hukuman penjara seumur hidup atau pesalah jenayah seksual dan pesalah yang dibenarkan hanya sekali lawatan oleh anggota keluarga terdekat disebabkan tempoh hukuman yang singkat, adalah antara kumpulan pesalah yang tidak terlibat untuk menikmati lawatan seumpama ini.<sup>75</sup>

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-86 yang bersidang pada 21 – 23 April 2009

- 
- 74 Pegawai yang Menjaga boleh membenarkan mana-mana banduan yang berhak menerima suatu lawatan untuk menulis surat dan menerima suatu jawapan sebagai ganti lawatan itu dan boleh juga membenarkan mana-mana banduan untuk menulis suatu surat khas dan menerima suatu jawapan atau suatu lawatan khas dalam mana-mana hal keadaan yang berikut: (a) kematian atau sakit yang teruk saudara-mara yang rapat; (b) urusan perniagaan atau hal ehwal kekeluargaan yang bersifat mendesak; atau (c) perkiraan untuk mendapatkan pekerjaan atau bantuan daripada rakan-rakan apabila dibebaskan.
- 75 Farah Naz Karim, "Giving Inmates a Semblance of Family Life", *The Malaysian Bar*, December 28<sup>th</sup> 2011, <http://www.malaysianbar.org.my/> (rujukan pada 28 Disember 2011).

dan membincangkan Program Penyatuan Semula Keluarga Penghuni Jabatan Penjara Malaysia telah memutuskan bahawa layanan yang baik kepada para banduan dari segi kebajikan rohani dan jasmani dituntut oleh Islam dan sebarang unsur penderaan atau penyeksaan kepada banduan adalah dilarang. Oleh itu, Muzakarah memutuskan bahawa cadangan untuk melaksanakan Program Penyatuan Semula Keluarga Penghuni Penjara (*Conjugal Visit*) bersesuaian dengan ajaran Islam dan wajar dilaksanakan.<sup>76</sup>

## (5) Bekerja dan Memperoleh Pendapatan

Peluang untuk bekerja merupakan salah satu cara bagi menggalakkan pesalah atau banduan memiliki pendapatan. Hal ini dicerminkan melalui Peraturan 79.<sup>77</sup> Bayaran bagi pekerjaan yang dilakukan pula dijamin oleh peruntukan yang berikutnya, iaitu Peraturan 80.<sup>78</sup> Kebenaran untuk membelanjakan pendapatan yang diperoleh sepanjang menjalani tempoh penahanan dinyatakan dalam Peraturan 84 (1)<sup>79</sup>. Sementara itu, Peraturan 84 (2) menetapkan bahawa baki pendapatan dimasukkan dalam kredit

76 Walau bagaimanapun, peraturan dan syarat-syarat yang terperinci perlu ditetapkan dan dipatuhi supaya pelaksanaannya boleh membawa kebaikan (maslahah) dan tidak menimbulkan sebarang kemudaratkan kepada mana-mana pihak. Jawatankuasa Fatwa merujuk pandangan Dar al-Ifta' Mesir yang membenarkan pelaksanaan lawatan konjugal atas alasan, menurut ajaran Islam, kesalahan yang dilakukan oleh seseorang tidak mempunyai kaitan dengan orang lain yang tidak bersalah. Selain itu, lawatan konjugal ini dilihat dapat memenuhi keperluan lahiriah dan batiniah individu dalam usaha memastikan kestabilan dan keharmonian masyarakat dapat dilaksanakan. Sila rujuk Program Penyatuan Semula Keluarga Penghuni Jabatan Penjara Malaysia, "E-Fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia", <http://www.e-fatwa.gov.my/> (rujukan pada 28 Disember 2011).

77 (1) Walau apa pun apa-apa jua dalam Peraturan-peraturan ini, Pegawai yang Menjaga boleh memberi pilihan kepada mana-mana banduan untuk bekerja dalam mana-mana perusahaan khas yang ditubuhkan oleh Menteri dalam sistem penjara itu. (2) Seseorang banduan yang memilih untuk bekerja dalam perusahaan sedemikian boleh pada bila-bila masa berhenti untuk bekerja dalam pekerjaan itu tetapi semasa melakukan kerja sedemikian hendaklah menaklukkan dirinya kepada tatacara yang dikenakan oleh Pegawai yang Menjaga ke atas mereka yang bekerja dalam perusahaan itu. (3) Banduan sedemikian hendaklah mendapat apa-apa kadar bayaran sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

78 Tertakluk pada peruntukan Sistem Peringkat Progresif, banduan-banduan hendaklah menerima bayaran bagi kerja dan kemahiran mereka dalam perusahaan mengikut peraturan-peraturan yang dinyatakan dalam Bahagian ini.

79 Seseorang banduan dalam Skim Pendapatan akan dibenarkan untuk membelanjakan sehingga maksimum dua pertiga daripada jumlah pendapatan bulanannya untuk membeli keperluan bagi kegunaannya sendiri sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah: Dengan syarat bahawa seseorang banduan yang bekerja dalam perusahaan khas yang ditubuhkan di bawah peraturan 79 hendaklah, melainkan jika dibenarkan secara bertulis selainnya oleh Ketua Pengarah dibenarkan untuk membelanjakan sebahagian daripada pendapatannya bagi sebulan.

banduan berkenaan dan diberikan kepada mereka ketika dibebaskan dari penjara. Sebahagian pendapatan itu pula dihantar kepada keluarga atau untuk tujuan yang lain, sebagaimana diluluskan Ketua Pengarah.

## **HAK BANDUAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA**

Sebagaimana dinyatakan pada awal penulisan ini, *United Nations Standard Minimum Rules for the Treatment for Prisoners (SMR)* memperincikan hak banduan dan memperuntukkan garis panduan bagi negara-negara di dunia berhubung dengan layanan yang perlu diberikan terhadap banduan. Bahagian I SMR meliputi garis panduan tentang pengurusan institusi pemulihan secara umum. Garis panduan yang diberikan itu merangkumi semua kategori banduan, jenayah atau sivil, belum dibicarakan atau telah disabitkan bersalah, termasuk banduan yang tertakluk pada “langkah-langkah keselamatan” atau langkah pemulihan yang diperintahkan oleh hakim. Secara ringkas, Bahagian I ini membincangkan peraturan bagi aplikasi secara umum, iaitu prinsip asas, pendaftaran, pemisahan kategori banduan<sup>80</sup>, kemudahan, kebersihan, pakaian dan tempat tidur, makanan, senaman dan sukan, perkhidmatan perubatan, disiplin dan hukuman, alat belenggu atau peralatan untuk tujuan kawalan,<sup>81</sup> maklumat untuk banduan<sup>82</sup> dan aduan oleh banduan, hubungan dengan dunia luar, buku (perpustakaan), agama, penyimpanan harta banduan, pemberitahuan tentang kematian, penyakit, pemindahan, dan sebagainya, pembebasan banduan, pegawai-pegawai penjara, serta pemeriksaan. Bahagian II pula mengandungi peraturan yang terpakai terhadap kategori khas seperti banduan yang sedang menjalani hukuman, banduan tidak waras atau menghadapi keabnormalan mental, banduan yang sedang menanti perbicaraan, banduan bagi kesalahan sivil, dan individu yang ditahan tanpa dakwaan. Bagi kategori banduan yang sedang menjalani hukuman, hal-hal yang berkaitan dengan prinsip asas, layanan, pengelasan dan pembahagian banduan, keistimewaan, pekerjaan,

80 Pemisahan ini mengambil kira beberapa faktor, seperti jantina, umur, rekod jenayah, alasan undang-undang bagi penahanan, dan keperluan layanan yang diberikan.

81 Peralatan ini meliputi gari, rantai, besi ,dan baju pasung.

82 Perkara ini antara lain meliputi maklumat bertulis berkaitan dengan peraturan yang menentukan layanan terhadap banduan dalam kategori masing-masing, keperluan untuk mengambil tindakan disiplin oleh institusi pemulihan, kaedah yang betul untuk mendapatkan maklumat serta membuat aduan, dan perkara lain yang membolehkan banduan tersebut memahami hak serta tanggungjawabnya di samping menyesuaikan dirinya dengan kehidupan institusi pemulihan tersebut.

pendidikan dan rekreasi, dan hubungan sosial serta program seliaan lanjutan (*after care*) dijelaskan secara terperinci.<sup>83</sup>

Garis panduan umum yang diberikan oleh *Standard Minimum Rules for the Treatment for Prisoners (SMR)* ini dijadikan rujukan dalam penggubalan akta berkaitan dengan institusi pemulihan atau penjara dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan banduan di seluruh dunia, termasuk Malaysia. Berdasarkan garis panduan ini peraturan-peraturan penjara dan pengurusan hal ehwal banduan, termasuk hal yang berkaitan dengan program pemulihan dibentuk. Proses pemulihan yang dijalankan itu pula menurut kehendak agama dan acuan budaya negara ini.

Isu berkaitan dengan keperluan dan layanan yang diterima banduan sering kali timbul. Oleh itu, dapat dilihat banyak penulisan, khususnya pada peringkat antarabangsa yang membahaskan perkara ini selain turut mengemukakan cadangan penyelesaiannya. Kes yang dibincangkan antara lain membabitkan banduan menjalani hukuman “pengasingan yang sangat ketat”<sup>84</sup>, dinafikan hak untuk mendapatkan rawatan perubatan<sup>85</sup>, ditahan secara paksa dan ditentukan rawatan tertentu<sup>86</sup>, dipaksa untuk makan ketika

---

83 <[https://www.unodc.org/pdf/criminal\\_justice/UN\\_Standard\\_Minimum\\_Rules\\_for\\_the\\_Treatment\\_of\\_Prisoners.pdf](https://www.unodc.org/pdf/criminal_justice/UN_Standard_Minimum_Rules_for_the_Treatment_of_Prisoners.pdf)> dirujuk pada 20 November 2014.

84 Pengasingan seumpama ini misalnya membabitkan pengurungan atau penahanan dalam tempoh yang sangat panjang di sel atau tempat kurungan khas yang tidak mempunyai kemudahan yang memuaskan. Selain itu, banduan yang menjalani hukuman ini juga dinafikan hak tertentu seperti memiliki pakaian atau selimut, berkomunikasi, dan sebagainya. Keadaan seumpama ini dirumuskan sebagai penyeksaan atau layanan atau hukuman kejamaa serta tidak berperikemanusiaan. Untuk bacaan lanjut sila rujuk Nigel Rodley & Matt Pollard, 2009. *The Treatment of Prisoners under International Law*. Edisi Ketiga. New York : Oxford University Press, hlm. 404.

85 Dalam kes *Kudla lwn Poland*, pemohon mendakwa bahawa dia tidak memperoleh rawatan psikiatri yang mencukupi bagi menangani kemurungan tahap kronik yang dihidapinya sepanjang beberapa tahun menjalani hukuman penjara. Kegagalan memperoleh rawatan yang diperlukan telah mendorong pemohon untuk cuba membunuh diri beberapa kali. Selain itu, dalam kes yang lain, iaitu *Keenan lwn UK*, seorang banduan mati disebabkan menggantung dirinya sendiri semasa menjalani hukuman penjara selama empat bulan. Banduan tersebut menghadapi kecelaruan mental tahap kronik dengan psikotik dan paranoيا serta kecelaruan personaliti dengan kecenderungan untuk membunuh diri. Mahkamah mendapati bahawa ketidaan nota perubatan daripada doktor penjara yang sebelumnya merawat banduan tersebut dan keterbatasan bilangan doktor pakar psikiatri mendedahkan kekurangan ketara dalam rawatan perubatannya.

86 Terdapat laporan yang menyatakan bahawa penahanan secara kekerasan atau paksa ini dilakukan bukan disebabkan masalah perubatan tertentu tetapi berdasarkan motif-motif yang lain seperti penindasan politik. Justeru, disyorkan agar perbezaan dibuat antara penahanan dengan rawatan wajib di institusi kesihatan mental bagi individu yang tidak memiliki mental yang sihat dengan penahanan serta rawatan yang sama bagi individu yang memiliki mental yang sihat.

sedang menjalani mogok lapar<sup>87</sup>, terdedah pada gangguan dan penderaan seksual, khususnya bagi banduan wanita<sup>88</sup>, dan sebagainya.

## **AMALAN TERBAIK NEGARA DI DUNIA**

Pelbagai langkah diambil oleh agensi, institusi, dan pertubuhan bukan kerajaan atau sukarela di seluruh dunia bagi menjayakan program pemulihan yang disusun. Langkah seumpama ini wajar dijadikan contoh oleh pihak pengurusan penjara dan banduan negara ini bagi menjayakan program pemulihan sedia ada. Antaranya termasuklah langkah yang diambil oleh Jabatan Penjara Sudan untuk menjadikan hafazan ayat al-Quran sebagai salah satu daripada empat bentuk parol. Satu persepuhlus daripada tempoh hukuman penjara akan dikurangkan dengan hafazan tiga juzuk al-Quran. Sebagai contoh, jika keseluruhan tempoh hukuman penjara ialah 10 tahun maka tempohnya akan dikurangkan kepada sembilan tahun.<sup>89</sup>

Demikian pula amalan yang berlaku di Amerika Syarikat. Pertubuhan sukarelawan yang memperoleh sokongan daripada Texas Department of Criminal Justice mengambil daya usaha untuk mengekalkan hubungan antara ibu yang merupakan banduan, dengan anak-anak mereka. Perkara ini dilakukan melalui program yang dikenali sebagai “*Storybook Project*”. Pertubuhan sukarelawan ini mengumpulkan buku cerita kanak-kanak dan merakamkan bacaan buku berkenaan oleh banduan wanita dan kemudian menghantarnya kepada anak masing-masing untuk didengar oleh mereka. Tujuannya supaya anak-anak yang terpisah dengan ibu mereka, disebabkan hukuman yang dijalani, akan dapat merasai “kehadiran” ibu mereka di sisi. Program ini turut membantu memperbaik tingkah laku pesalah kerana yang terpilih hanya melibatkan mereka yang berkelakuan baik sahaja. Program seumpama ini dilaksanakan atas kesedaran bahawa hubungan dengan

---

87 Nigel Rodley & Matt Pollard, 2009. *The Treatment of Prisoners under International Law*. Edisi Ketiga. New York: Oxford University Press, hlm. 419.

88 Sebagai langkah memprotes gangguan dan penderaan seksual yang dihadapi mereka, banduan wanita memfailkan saman terhadap perbuatan tersebut yang turut dilakukan oleh kakitangan lelaki penjara, termasuk pegawai pemulihan. Untuk bacaan lanjut sila rujuk, Robert M. Regoli & John D. Hewitt, 2010. *Exploring Criminal Justice – The Essentials*. Sudbury : Jones & Bartlett Publishers, hlm. 291.

89 Sumber: dokumen rasmi daripada Kementerian Dalam Negeri Sudan yang diedarkan semasa lawatan rasmi kakitangan Harun M. Hashim Law Centre, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ke Jabatan Penjara Sudan pada 25 Julai, 2010; dokumen dibekalkan oleh Dr Ghazali Jaafar, bekas Pengarah Harun M. Hashim Law Centre.

keluarga khususnya anak-anak merupakan pendorong semangat bagi banduan terutamanya wanita. Program ini memberikan harapan yang tinggi dalam diri mereka bahawa mereka masih diperlukan dan akan diterima semula setelah dibebaskan kelak. Sebaliknya, jika hubungan banduan terputus dengan keluarga disebabkan hukuman yang dijalani, maka keadaan ini menimbulkan kesan psikologi yang berat kepada banduan. Oleh yang demikian, adalah amat penting seandainya hubungan banduan dengan anggota keluarga khususnya anak-anak dapat diteruskan. Hal ini menuntut kerjasama daripada keluarga banduan terbabit.<sup>90</sup>

## HUKUMAN ALTERNATIF BAGI PEMENJARAAN

Tidak dapat dinafikan bahawa hukuman penjara atau penahanan menimbulkan pelbagai bentuk kesan negatif, bukan sahaja kepada pesalah tetapi juga keluarga dan masyarakat keseluruhannya. Antaranya termasuklah kehilangan penyumbang utama nafkah keluarga, kerenggangan hubungan kekeluargaan, penolakan masyarakat dan kesukaran mendapatkan pekerjaan selepas dibebaskan, kesesakan dalam penjara, penglibatan dalam jenayah lebih berat akibat pergaulan dalam penjara, dan sebagainya. Khusus bagi pesalah yang disabitkan kesalahan di bawah kesalahan jenayah syariah atau kesalahan di bawah Akta 303, perintah pemulihan dicadangkan supaya dikeluarkan oleh mahkamah syariah sebagai hukuman alternatif atau tambahan bagi hukuman sedia ada.<sup>91</sup>

Modul yang dicadangkan meliputi kerohanian serta sahsiah diri dan khidmat masyarakat. Melalui modul kerohanian dan sahsiah diri, pesalah berpeluang memantapkan keimanan dan meneguhkan akhlak melalui program ibadah yang dijalankan dengan bimbingan serta pemantauan yang berkesan. Hal ini bertujuan meningkatkan kesedaran mereka terhadap kepentingan ketaatan terhadap agama, syariat, dan undang-undang negara. Modul

90 S Diel, *Story project gives prisoners a chance to keep family ties*, <http://www.thefreelibrary.com> rujukan pada 24 Oktober 2010.

91 Sebagai contoh melalui Seksyen 128 (pesalah muda) dan Seksyen 129 (pesalah kali pertama) Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 560], dan Seksyen 55 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559]. Mahamad Naser bin Disa, “Perintah Pemulihan sebagai Hukuman Alternatif dalam Undang-Undang Jenayah Syari’ah di Malaysia”, Seminar Hukuman Alternatif: Pelaksanaan dan Keberkesanannya, Bahagian Pendakwaan, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), 1 November 2011, Intekma Resort & Convention Centre.

khidmat masyarakat<sup>92</sup> pula menyasarkan agar pesalah berupaya menanam azam untuk memperbaik diri dan mengubah cara hidup mereka agar lebih bermanfaat dan sempurna. Perintah dan program pemulihan seperti ini yang dijalani pesalah pada masa yang sama turut memberikan peluang pekerjaan dan dapat menyara diri serta keluarga. Dari sudut psikologinya, hukuman seumpama ini dapat mengelakkan kebimbangan bahawa mereka kehilangan pekerjaan dan disisihkan oleh masyarakat.<sup>93</sup> Tidak kurang pentingnya program pemulihan ini juga dapat mengurangkan kos pengurusan banduan di penjara.<sup>94</sup>

## **KESIMPULAN**

Pada umumnya, undang-undang yang diperuntukkan di negara ini bagi menjamin perlindungan hak banduan, khususnya Peraturan Penjara 2000 adalah dalam kerangka *maqasid al-syari’ah*. Dengan kata lain, pemeliharaan kelima-lima prinsip asas *maqasid* terdapat dalam peraturan penjara berkenaan. Aspek lain yang perlu diberikan perhatian ialah kesepaduan semua aspek bagi menjayakan program pemulihan yang disusun dan dilaksanakan oleh institusi pemulihan atau penjara. Hal ini khususnya bagi memastikan pemulihan diri pesalah berkenaan berkekalan sifatnya. Oleh itu, kemudaratannya yang berjaya dihalang sepanjang mereka ditahan tidak akan berulang semula dengan penyertaan semula mereka dalam masyarakat. Selain itu, hukuman alternatif bagi pemenjaraan juga wajar diberikan pertimbangan berat dengan mengambil kira kesan buruk daripada hukuman tersebut terhadap banduan dan anggota keluarga mereka. Proses pemulihan pesalah atau banduan juga turut memerlukan penglibatan masyarakat umum bagi membolehkan mereka memainkan peranan dengan sewajarnya.

92 Pesalah yang disabitkan kesalahannya di bawah apa-apa kesalahan jenayah syariah boleh diperintahkan oleh mahkamah syariah untuk menjalani pemulihan di mana-mana tempat atau institusi agama yang menjadi pusat pemulihan atau rumah yang diluluskan sebagaimana yang ditetapkan dalam bon. Pusat pemulihan atau rumah yang diluluskan termasuklah masjid, madrasah atau rumah kebajikan kerajaan atau NGO yang diluluskan melalui pemberitahuan dalam warta oleh Majlis Agama Islam Negeri sebagai pusat pemulihan atau rumah yang diluluskan untuk menjalani perintah pemulihan tersebut.

93 Mahamad Naser bin Disa, hlm. 14.

94 Kos pengurusan seorang banduan yang ditahan di penjara adalah sebanyak RM 35.00 sehari.

## RUJUKAN

- Abu Muhammad Muwaffiquddin Abdullah ibn Ahmad ibn Muhammad ibn Qudamah al-Maqdisi, 1968. *Al-Mughni*, Jil. 9. Al-Qahirah: Maktabah al-Qahirah
- Ahmad Mohamed Ibrahim, 2000. *The Administration of Islamic Law in Malaysia*. Kuala Lumpur : IKIM.
- Ahmed Othmani & Sophie Bessis, 2008. *Beyond Prison: The Fight to Reform Prison Systems around the World*. USA: Berghahn Books.
- Akta Penjara 1995 (Pindaan 2008) Akta A1332.
- Al-Qadi Abi Ya`la, Muhammad ibn al-Husain ibn Muhammad ibn Khalaf ibn al-Farra', 1990. *Al-'Uddah fi Usul al-Fiqh*. Jil. 2, t.t. : t.p.
- Ashraf Md Hashim, 2004. *Rights of Suspect and Accused under Islamic and Malaysian Law*. Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Farah Naz Karim, "Giving Inmates a Semblance of Family Life", The Malaysian Bar, December 28<sup>th</sup> 2011 dlm. <http://www.malaysianbar.org.my/> (Capaian pada 28 Disember 2011).
- Fazalul Karim, t.t., *Imam Gazzali's Ihya' 'Ulum-ud-Din*. Book I, Lahore: Kazi Publications.
- Hasan Abu Ghuddah, 1987. *Ahkam al-Sijn wa Mu'amalat al-Sujana'fi al-Islam*. Kuwait: Maktabah al-Manar.
- Institusi Penjara Malaysia – Pengkalan Chepa (t.t.) dlm. <http://www.prison.gov.my/images/carta/penjara-penjara.htm> (Capaian pada 2 Oktober 2011).
- <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/hijau/undang2>
- <http://www.prison.my/portal/page/portal/.../khidmat> (Capaian pada 1 April 2014).
- <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/hijau/pemulihan> (Capaian pada 2 April 2014).
- [http://www.suhakam.org.my/c/document\\_library/get\\_file?p\\_1\\_id=24205&folderId=39678&name=DLFE-8502..pdf](http://www.suhakam.org.my/c/document_library/get_file?p_1_id=24205&folderId=39678&name=DLFE-8502..pdf) (Capaian pada 10 Oktober 2011).
- Nor Azizah Mokhtar. "JPM bantu banduan berdikari" dlm. *Berita Harian*, 9 Februari, 2011.
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin ibn 'Umar ibn 'Abd al-'Aziz 'Abidin, 1992. *Radd al-Muhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*. Jilid 5. Edisi 2. Beirut: Dar al-Fikr.

Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il ibn 'Umar ibn Kathir al-Qurashi al-Dimashqi, 1986. *Al-Bidayah wa al-Nihayah*, Jilid 3. Beirut: Dar al-Fikr

Imran Ahsan Khan Nyazee, 2003. *Islamic Jurisprudence*. Petaling Jaya: The Other Press.

Lajnah 'Ulama' bi Ri'asah Nizamuddin al-Balkhi, 1310H. *Al-Fatawa al-Hindiyah*, Jilid 3. Dar al-Fikr

Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid, 2012. "Maqasid al-Shari'ah : Satu Pengenalan", dlm *Maqasid al-Shari'ah*. Selangor: Penerbit UIAM

Mahyuddin Yahya ibn Syaraf al-Nawawi, 1991. *Rawdah al-Talibin wa 'Umdah al-Muftin*. Jilid 10. Edisi 3. Beirut: Al-Maktab al-Islami.

Mashhood Baderin, 2003. *International Human Rights and Islamic Law*. New York: Oxford University Press.

*Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyah*, 1412H. Jilid 16. Kuwait : Wizarah al-Auqaf wa al-Syu'un al-Islamiyah.

Muhammad ibn 'Abdullah ibn Muhammad ibn Hamdawaih ibn Nu'aim ibn al-Hakam al-Naisaburi, 1990. *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihain*. Jilid 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Muhammad Noor Haji Ibrahim, Abdullah Basmeh, 2010. *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an (30 juzuk)*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Muhammad Umer Chapra, 2008. *The Islamic Vision of Development in the Light of the Maqasid al-Shari'ah*. London: The International Institute of Islamic Thought.

Peraturan Penjara 2000.

Sahih al-Bukhari, 1984. *Kitab Al-Muharibin*. Diterjemah ke Bahasa Inggeris oleh MM Khan. Lahore: Kazi Publications, Lahore.

S Diel, 2010. *Story Project Gives Prisoners a Chance to Keep Family Ties*, <http://www.thefreelibrary.com> (Capaian pada 24 Oktober 2010).

Shamrahayu, "Hak Asasi Banduan dan Undang-Undang di Malaysia: Analisis Permulaan", dlm. *Kanun*, hlm. 8, 2010.

Temu bual dengan banduan wanita yang mengikuti Modul Halaqah pada 1 April 2011.

Temu bual dengan Tuan Mohd Andri bin Mohd Ridzwan, Penguasa Penjara, di Ibu Pejabat Penjara Malaysia, 9 November 2011.

Temu bual dengan Tuan Mohd Andri, di Ibu Pejabat Penjara Malaysia, 23 November 2011.

Umar ibn Shabbah ibn ‘Ubaidah ibn Raitah al-Numayri al-Basri, 1399H. *Tarikh al-Madinah li ibn Shabbah*. Jilid 2. t.p., hlm. 433, 435 & 438. Hasan Abu Ghuddah.